

Pelangi Kesusasteraan Islami

Menyingkap Khazanah
Melayu Arab Parsi Turki

Buku ini segera menyerlahkan kebitaraannya, sebuah karya perintis di Malaysia. Sesuai dengan sifat pelangi yang bermacam-macam warna, tersajilah bahasan yang rencam, namun masih di bawah satu naungan atau gema; itulah kesusasteraan Islami. Terangkum di dalamnya satu khazanah yang meliputi kesusasteraan Melayu, Arab, Parsi dan Turki, jika diukur dari sudut rantau/kawasan dan bangsa; sementara itu tidak pula diketepikan perbincangan yang lebih umum dan masih berkaitan antara satu sama lain: kesusasteraan Islami dan kesusasteraan bandingan.



MUHAMMAD BUKHARI LUBIS ialah Profesor Emeritus Fakulti Bahasa & Komunikasi UPSI, mantan Penyelaras Unit Kajian Jawi & Khat UPSI, dan mantan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam, UKM. Lulusan Ph.D daripada University of California at Berkeley, USA. Bidang utamanya ialah kesusasteraan Islami bandingan (Arab – Parsi – Turki – Melayu).



FIRUZ AKHTAR LUBIS ialah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Lulusan Ph.D daripada SOAS, University of London. Bidang utamanya ialah sastera bandingan Parsi – Arab – Melayu.



NURSAFIRA LUBIS SAFIAN ialah pensyarah di Jabatan Bahasa & Kesusasteraan Arab, Kulliyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, UIAM. Lulusan Ph.D daripada University of Jordan, Amman. Bidang utamanya ialah kritikan sastera moden dan sastera bandingan (Arab – Melayu).



Penerbit
USIM PRESS



Muhammad Bukhari Lubis
Firuz Akhtar Lubis
Nursafira Lubis Safian



Pelangi Kesusasteraan Islami Menyingkap Khazanah Melayu Arab Parsi Turki

Pelangi Kesusasteraan Islami

Menyingkap Khazanah
Melayu Arab Parsi Turki

Muhammad Bukhari Lubis
Firuz Akhtar Lubis
Nursafira Lubis Safian

Pelangi Kesusasteraan Islami

*Menyingkap Khazanah
Melayu Arab Parsi Turki*



Pelangi Kesusasteraan Islami

*Menyingkap Khazanah
Melayu Arab Parsi Turki*

Muhammad Bukhari Lubis
Firuz Akhtar Lubis
Nursafira Lubis Safian

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Negeri Sembilan
2024

Cetakan Pertama 2024

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM terlebih dahulu.

Karya Penerbitan: Ilmiah Suntingan

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 6271/6272 | Faks: 06-798 6083

www.penerbit.usim.edu.my | penerbit@usim.edu.my

Penerbit USIM ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

Dicetak di Malaysia oleh:

FIRDAUS PRESS SDN BHD

No. 28, Jalan PBS 14/4

Taman Perindustrian Bukit Serdang

43300, Seri Kembangan

Selangor

Tel : 03 – 8940 5595

Faks : 03 – 8940 5595

Emel : onlineprint@gmail.com

Muka Taip Teks: Turkiye, Times New Roman

Saiz Taip Teks: 35pt, 11pt

Editor Pengurusan: Hariza Mohd Yusof & Siti Noor Hidayah Kamaruddin

Pereka: Nuraznita Abdullah

Pengatur Huruf: Nuraznita Abdullah & Nur Aqilah Syazwina Azhar



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7636-47-4

-  Penerbit USIM
-  [penerbit_usim_official](https://twitter.com/penerbit_usim_official)
-  Penerbit USIM
-  [@PenerbitUSIM](https://www.linkedin.com/company/penerbitusim)
-  [@PenerbitUSIM](https://www.youtube.com/channel/UC...)

Dapatkan buku Penerbit USIM secara dalam talian di:

**my
bookstore**
KATIPUNGBOOKSTORE.USIM.EDU.MY

Kandungan

<i>Dibajah (Prakata)</i>	vii
I. Kesusasteraan Islami dan Kesusasteraan Bandingan	13
1 Kesusasteraan Islami yang Saya Amat-Amati	14
2 Estetik dalam Kesusasteraan Islami	20
3 Puisi Sufi: Satu Bicara Umum	28
4 Puisi Mulamma‘ dan Takhalluṣ dalam Kesusasteraan Antarabangsa	37
5 Idea Tasawuf dalam Syair Hamzah Fansuri Melayu dan Ībrahīm Hakki Erzurumlu (Turki Uthmani)	56
6 Puisi Ramazaniyye dalam Kesusasteraan Arab, Parsi dan Turki	76
7 Gema Islam dalam Bahasa Kiasan Arab, Parsi, Turki dan Melayu: Sekilas Sentuhan	86
8 Konsep Sastera Islami oleh Muhammad Quṭb dan Muhammad ‘Uthman El-Muhammady: Satu Perbandingan	96
9 Gagasan Sastera Islami Kemala dan Al-Nadwī: Satu Perbandingan	114
II Kesusasteraan Melayu	124
10 Syamsuddin As-Sumatra’i dan Dua Puisi Sufinya	125
11 Nilai-Nilai Islam dalam Ayahanda Karya Azizi Haji Abdullah	139
12 Lepasan Kolej Islam dalam Kesusasteraan	155
13 Al-Amīn A. Samad Said dalam Dunia Kesusasteraan Islami	162
14 Sastera Kembara Teme Abdullah Berdasarkan Konsep Pembangunan Insan	169

III	Kesusasteraan Arab	190
15	Al-Shushtarī: Penyair – Sufi dari Andalus	191
16	Muhammad Ḥasan Brīghīsh dan Pengkaryaan Cerpennya	203
17	Tawfīq Al-Ḥakīm: Kajian Biografi dan Sumbangannya dalam Kesusasteraan Arab	223
18	Amal Dunqul: Pemuisi Kritis Kelahiran Mesir	237
19	Pengajian Arab di Gugusan Pulau Melayu Khususnya di Malaysia	242
VI	Kesusasteraan Parsi	266
20	‘Abd Al-Qādir Bīdil: Penyair Sufi dari Benua Kecil India	267
21	Kemanusiaan Penyair Sa’dī dalam Būstānnya	279
22	Aḥmad Kasravī: Penulis dan Pengkritik Terkenal di Iran	291
23	Daripada Jendela Kesusasteraan Parsi: Merenung Persajakan Manūchihri	298
24	Telaah Filem Iran Daripada Pelbagai Aspek	306
V	Kesusasteraan Turki	311
25	Penyair Sufi Turki Osmani Yunus Emre: Beberapa Percikan Baharu	312
26	Üm̄mi Kemal: Penyair Turki Yang Buta Huruf, Tetapi Sempurna	323
27	Mehmet Akif: Penyair Agung Islam Turki Abad Ke-20	332
28	Nec̄ip Fazil Kisakürek: Kesusasteraan Tersekat Kerana Keagamaan	337
29	Muallīm Nac̄i: Penulis, Penyair, Guru, dan Pengkritik Turki Mode	341
30	İsmet Özel: Penyair-Pengarang Utama Turki, Akhirnya Berubah Paksi!346	
	<i>Biodata Pengarang</i>	355
	<i>Indeks</i>	361



Dibajah (Prakata)

Bismi 'llāhi 'r-Raḥmāni 'r-Raḥīm.¹ Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah SWT yang memelihara dan mencukupkan seluruh keperluan hamba-Nya. Selawat dalam salam untuk *Khātamul Anbiyā'*: Yang Mulia, Muhammad Rasulullah SAW, keluarganya, para sahabatnya, serta orang yang mengikuti Sunnahnya.

Dari segi tajuk dan bidang, buku ini segera menyerlahkan kebitaraannya, sebuah karya perintis di Malaysia. Sesuai dengan sifat pelangi yang bermacam-macam warna, tersajilah bahasan yang rencam, namun masih di bawah satu naungan atau gema; itulah kesusasteraan Islami.² Terangkum di dalamnya satu khazanah yang meliputi kesusasteraan Melayu, Arab, Parsi dan Turki, jika diukur dari sudut rantau/kawasan dan bangsa; sementara itu tidak pula diketepikan perbincangan yang lebih umum dan masih berkaitan antara satu sama lain: kesusasteraan Islami dan kesusasteraan bandingan.

Oleh sebab berteraskan keagamaan dalam kegiatan pengkaryaan, maka tiang atau paksi “Islam” itu mestilah diutamakan. Maka lahirlah perkara yang dipanggil “Kesusasteraan Islami.” Kesusasteraan yang berlandaskan agama itu pastilah dihasilkan oleh para penganutnya yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Setiap bangsa, menerusi sasterawannya yang berbakat, sentiasa menghasilkan karya sastera dalam bahasa ibunda masing-masing. Hasilnya, muncul usaha membandingkan karya-karya yang ditulis dalam pelbagai bahasa Islami itu. Sebagai natijahnya, timbul usaha mengembangkan “Kesusasteraan Bandingan.”

¹ Segala perkataan Arab, Parsi dan Turki dieja mengikut sistem transliterasi yang dianjurkan dalam Muhammad Bukhari Lubis & Ali Haji Ahmad, 2006, *Transliterasi Kata Arab Parsi Turki*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

² Kami mengutamakan penggunaan kata sifat “Islami” daripada kata nama “Islam”, dengan tanggapan bahawa frasa **Kesusasteraan Islami** di sini bermaksud kesusasteraan yang mengandungi unsur-unsur atau ciri “keislaman”. Penukaran “kata nama” kepada “kata sifat” dengan menambah vokal *i* (untuk kata nama yang berhujung konsonan) atau *wi* (untuk kata nama yang berhujung vokal *a*, seperti dunia menjadi duniawi) di hujung kata nama itu adalah antara pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Misal lain: abdi, nafsi, dan insani.

Dalam keadaan begitu, tinjauan terhadap sastera dalam satu-satu bangsa tidaklah diabaikan, kerana masing-masing mengetengahkan keterampilan seni dan keistimewaannya. Sesuai sekali diperhatikan kegiatan pengkaryaan dalam bangsa-bangsa ini; lantas kami meninjau perkembangan dalam “Kesusasteraan Melayu”, “Kesusasteraan Arab”, “Kesusasteraan Parsi”, dan “Kesusasteraan Turki.”

Esei-esei yang diketengahkan dalam himpunan ini, ada yang berasal daripada tugas ketika mengikuti program siswazah, sama ada di dalam mahupun luar negara; juga daripada kertas kerja yang disediakan untuk persidangan dan seminar di Malaysia dan seberang laut; dan daripada esei-esei khas untuk penerbitan majalah dan jurnal.

Sehubungan dengan asal bahan begini, persoalan “kedalaman” dan “kedangkalan” (atau “kepanjangan” dan “kependekan”) satu-satu esei tidaklah dipandang penting kerana ia lebih mendedahkan “sejarah perkembangan penulisan atau kepengarangan seseorang individu/sarjana”; mungkin sahaja melibatkan periode dua atau tiga dekad. Jauh sekali untuk dibandingkan atau disamakan dengan sesebuah antologi/himpunan esei yang dirancang khas dengan teliti, disumbangkan oleh sekumpulan ahli akademik atau sebarisan pengarang yang memang dirunding khusus untuk projek sebesar itu.

Bagi “Kesusasteraan Islami”, penulis menjelaskan awal-awal lagi bagaimana sastera ini diperdebatkan hebat di Malaysia sejak dasawarsa 1970-an, menjadi perhatian dan tinjauan sang penulis. Selanjutnya diperkenalkan unsur-

unsur yang menjadi paksi dan tulang belakang estetik dalam kesusasteraan Islami. Tidak ketinggalan, dibincangkan “puisi Sufi” yang banyak berjasa dalam perkembangan kesusasteraan Islami sedunia, merentasi sempadan bangsa-bangsa Muslim.

Dalam perkembangan sastera umat Islam, ada satu sikap baik golongan penyair berkenaan. Ada antaranya yang amat berketerampilan dalam mencipta sajak-sajak *mulamma'*, iaitu “sajak yang ditulis dengan menggunakan satu aksara, namun ia diucapkan melalui saluran dua bahasa atau lebih.” Dalam banyak genre puisi Islami itu, banyak juga penyair yang suka menggunakan *takhallus* dalam karyanya, iaitu pernyataan nama (kebanyakannya nama pena) penyair dalam bait terakhir atau kedua terakhir puisinya.

Peranan dan jasa sasterawan daripada golongan ahli Sufi dalam kesusasteraan Islami amatlah besar. Dalam konteks Kesusasteraan Melayu khususnya di peringkat awal, meskipun karya sasterawan – Sufi itu kecil (tidak banyak kuantitinya), namun kesan dan impaknya dalam sastera sebangsa amatlah besar. Lihat sahaja Hamzah Fansuri (q.s) yang dinobatkan sebagai “Bapak Kesusasteraan Melayu Moden” dalam karyanya jelas terserlah kewibawaannya menyebar dan menghurailanjutkan ajaran Islam melalui puisi dan risalah-risalah prosaiknya.

Dari segi perpuisian, ia lebih menyentuh aspek tasawuf (sastera Sufi), maka diulas tuntas idea-idea tasawuf yang tertuang dalam sajak-sajak Hamzah Fansuri (q.s) dari Alam Melayu dan İbrahim Hakkı Erzurumlu (q.s) dari Türkiye (Osmaniah).

Tentulah ada aspek yang tidak ditinggalkan dalam masyarakat atau tamadun Islam, antaranya amalan berpuasa. Maka ada kajian membandingkan betapa puisi yang berpaksikan “bulan Ramadan” didendangkan dalam masyarakat Melayu, Arab, Parsi dan Turki. Masih setaraf lagi, gejala penciptaan “bahasa-bahasa kiasan” dalam kelompok bahasa-bahasa Islami itu. Amat mengasyikkan renungan para penyair dari pelbagai masyarakat yang terbabit.

Pada amnya, apa-apa yang dibandingkan ialah hasil karya seorang “sasterawan” dengan karya “sasterawan” lain. Ada satu lagi aspek yang turut terlibat, itulah buah fikiran dan gagasan daripada “ahli sastera” atau sarjana dengan “rakan seperanan dan setugas” nya.

Alhamdulillah, dari semasa ke semasa muncullah sarjana atau pemikir yang prihatin, terhadap pengkaryaan Islami. Mereka tidak jemu-jemu, malah sentiasa bersemangat (*bāraka’llāh fī-him*), melontarkan idea dan renungan ijthadi mereka tentang konsep kesusasteraan Islami; baik dari Dunia Arab/India mahupun Alam Melayu. Situasi ini mengilhamkan beberapa pengkaji setempat untuk membandingkan pandangan seorang ulama Arab dengan ulama Melayu (Muhammad Quṭb dengan Muhammad Uthman El-Muhammady), dan ulama India dengan sarjana Melayu (al-Nadwi dengan Kemala atau Ahmad Kamal Abdullah). Amat menarik dan hasil pemikiran mereka ini wajar sekali dijadikan panduan dan pedoman.

Sumbangan masyarakat kita dalam tamadun Islam, daripada konteks “Kesusasteraan Melayu”, tidaklah mudah dipandang rendah atau ringan.

Tokoh yang menyusuli Hamzah tentulah Syamsuddin as-Sumatra’i (q.s) yang karyanya dalam buku ini, kali pertama dipersembahkan

dan diketengahkan, itulah dua buah puisi Sufinya yang diedit (daripada tersimpan dalam bentuk manuskrip di perpustakaan atau arkib), satu dalam bahasa Melayu dan satu lagi dalam bahasa Arab. Dalam karya berkenaan disertakan pula huraian dan keterangan untuk menjelaskan isi dan maksudnya. Bagi yang moden, terangkum dalam kumpulan esei ini novel *Ayahanda*, karya Azizi Haji Abdullah (r.h). Dengan nada yang selamba, novelis ini menyengat pembaca, apabila dia mengulas gejala-gejala yang berlaku dalam masyarakat semasa.

Tidak dapat dipisahkan atau diketepikan sumbangan para ahli agama dan agamawan dalam kesusasteraan kita. Untuk itu, dibahaskan khusus sumbangan (1955 – 2005) lepasan tiga Kolej Islam (bersatu atas nama ALKIS [Alumni Kolej Islam]): Kolej Islam Malaya (KIM), Kolej Islam Klang (KIK), dan Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS).

Rasulullah SAW sebagai tokoh teladan dan ikutan, cukup banyak disentuh dalam sastera kita. Memecah rekod dunia, pada pandangan sederhana kami, Pak Samad (S.N. A. Samad Said) setakat ini [2023] berjaya menjadi pujangga yang berketerampilan menghasilkan sebuah kumpulan sajak yang terpanjang dan teragung di dunia, fokus terhadap pujian serta sanjungan buat Rasulullah Junjungan Besar kita itu, dengan judul *Al-Amin* (2000).

Berlandaskan kaedah analisis kandungan, dalam genre sastera kembara (travelog), karya Teme Abdullah (*Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan*) yang berlatarbelakangkan kehidupan di London, diulas dengan mengikut Teori Takmilah, khususnya unsur-unsur pembangunan insani (aspek akidah dan ibadah). Hasil kajian yang menumpukan “Prinsip Pengkarya Mengisitikmalkan Diri” amat menarik untuk direnungkan.

Dalam “Kesusasteraan Arab”, sebagai golongan yang awal-awal berjasa dalam perkembangannya, al-Shushtari (q.s) dibahas dalam peranannya sebagai penyair-Sufi dari Andalus (Sepanyol Islam). Untuk yang moden, ada esei yang membahaskan sumbangan Muḥammad Ḥasan Brīghīsh dan Tawfīq al-Ḥakīm.

Sasterawan dari Syria, Muhammad Hasan Brigish, dalam karyanya yang terkenal, kumpulan cerpen *al-Shaykh Za'im*, dengan jelas berjaya mengemukakan elemen akhlak Islamiah. Elemen ini mencakupi hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia sesama manusia dengan hubungan manusia terhadap alam persekitaran. Perkara ini bukan suatu yang janggal kerana beliau sendiri merupakan seorang yang cenderung ke arah kesusasteraan Islami di samping memiliki keperibadian Muslim. Justeru, kita dapat melihat beliau menyuguhkan nilai-nilai murni dan akhlak terpuji dalam kompilasi cerpennya sebagai wadah dakwah dalam mengajak khalayak pembaca melakukan makruf dan menjauhi kemungkaran serta berperibadi luhur dan berakhlak terpuji.

Walaupun dari Mesir asal negaranya, namun keterampilan senimannya sebagai sasterawan, beliau pernah dinobatkan – menurut pandangan sesetengah pihak –

sebagai penulis ulung yang berjiwa seni, bukan di Mesir atau Dunia Arab, bahkan “dunia sastera” secara keseluruhannya. Itulah Tawfiq al-Hakim, penulis yang benar-benar menjiwai karya yang dihasilkannya, juga sangat cermat dan berhati-hati dalam berkarya. Genre drama dan novel menjadi bidang yang sering dijuarainya. Kajian yang dijalankan untuk esei ini sebenarnya berlandaskan “biografi” dan menerapkan pendekatan kualitatif (metode interpretasi secara deskriptif sebagai metode kajian).

Seorang penyair semasa Mesir, Amal Dunqul, telah menarik perhatian pengkaji di negara kita. Ternyata penyair ini agak luar biasa bakat keseniannya, khususnya dalam bidang puisi. Dengan pengaruh ayah dan hasil pembacaannya terhadap karya-karya klasik Arab, Dunqul berjaya mencipta puisi-puisi yang menarik dan mengujakan. Sudah tertakdir, kehidupannya diakhiri dengan penderitaan kanser. Pengkritik pernah menggelar Dunqul sebagai “Pejuang Dua Dimensi”, itulah perjuangan melawan “maut” dan perjuangan menghasilkan “puisi”. Beliau tanpa segan dan takut, mengkritik kerajaan dan masyarakat negaranya yang menerima perjanjian perdamaian dengan Israel. Baginya perjanjian damai itu merugikan umat Arab dan Muslim keseluruhannya.

Tidak dapat dinafikan, betapa besar jasa persuratan Arab dalam pertumbuhan dan perkembangan persuratan kita. Sudah tentulah sistem pendidikan kita menjadi antara saluran kemajuan ini. Bagi mengetahui latar belakang situasi ini, esei yang bertajuk “Pengajian Arab di Gugusan Pulau Melayu Khasnya di Malaysia” patut menjadi bahan renungan dan ulasan.

Beberapa tokoh yang penting dan utama turut dibincangkan dalam “Kesusasteraan Parsi”. Kebetulan di luar Iran, penyair-Sufi ‘Abd al-Qādir Bīdil (q.s) dari Benua Kecil India, dianggap banyak meninggalkan khazanah persuratan Islam Parsinya. Yang lebih terkenal sehingga kutipan puisinya diukir khusus di sebuah dinding di bangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN), Syeikh Sa‘dī (q.s) dikenang-hargai dengan sumbangan karya *Būstān* (Taman) nya.

Seorang tokoh dan sarjana yang penting dalam sejarah pemikiran Parsi di Iran, Ahad Kasravi, tetap dikenang sebagai kakitangan awam yang jujur, setia dan bekerja kuat, berani menanggung risiko dan kesengsaraan peribadi demi negaranya. Kehidupannya berpegang pada ujian patriotisme dan cintanya terhadap pembelajaran. Malah jika dibandingkan dengan Ayatollah Khomeini, kualiti intelektualnya (Khomeini) sangat tidak sepadan dengan kehebatan Kasravi. Diakhiri dengan pembunuhan, nama dan peribadi Kasravi terpahat dalam sejarah Iran, yang pada awalnya terlalu ketat dikawal dengan pendidikan keagamaan, namun akhirnya bangun dan memusuhinya. Peribadi sebegini patut direnungkan untuk dijadikan teladan dan pengajaran, juga sempadan.

Di luar alam tasawuf, ada seorang lagi penyair yang amat berkesan dalam menggambarkan alam dalam sajak-sajaknya, bernama Manūchihri. Memang ada kesannya di Malaysia, sehingga televisyen Malaysia turut menyiarkan beberapa buah filem Iran. Untuk itu, ada kajian sepintas lalu tentang filem Iran dari pelbagai aspek.

Sama dengan perkembangan klasik dan modennya, “Kesusasteraan Turki” menampilkan beberapa orang tokoh terpilihnya. Pastilah dalam sastera Turki, sehingga dianggap penyair-Sufi teragung dalam kesusasteraan Turki, Yunus Emre (q.s) banyak meninggalkan kesan dan pesan, sehingga ada pilihan kata-katanya yang menjadi perumpamaan dan simpulan bahasa dalam masyarakat Türkiye. Sebanding dengan J.M. Aziz dari Terengganu, di Türkiye ada juga penyair “buta” yang banyak mencipta karya sasterawi. Demikian Ümmi Kemal mengukir nama dalam sejarah sastera Turki.

Ada empat orang tokoh yang mewakili era moden. Jika anda menaiki feri di Istanbul, anda akan terlihat suatu bingkai yang memaparkan sajak “Istiklal” (Kemerdekaan) oleh Mehmet Akif, dengan peranannya sebagai penyair teragung Islam Türkiye Abad ke-20. Pertembungan idea-idea keagamaan dan sekular cukup jelas dalam zaman-zaman hujung Empayar Osmaniah dan pensekularan Republik Türkiye (antaranya penghapusan sistem sultannya). Pujangga Nacip Fazlı Kısakürek, mengalami kepahitan ketika sering tersekat kerana kegiatan keagamaannya. Namun segala-galanya itu tidak dapat memudar dan mendinginkan semangat keagamaan dan penulisannya. Terdapat pula seorang sasterawan yang serba cekap dan pintar dalam tugas hariannya. Sukar orang menafikan ketokohan Muallim Naci sebagai penulis, penyair, guru dan pengkritik Türkiye moden. Seorang lagi tokoh, yang pada mulanya turut terheret dengan idea-idea sekularisme,

akhirnya membuat pusingan U, berubah paksi lantas amat dedikasi terhadap pengkaryaan Islaminya. Itulah İsmet Özel.

Duhai pembaca budiman! Renungilah pelangi itu sedalam-dalamnya. Ambillah masa anda sebanyak-banyaknya. Semoga pancaran warna-warninya itu dapat memberikan ilham, percikan permenungan dan pencerahan kepada kita sebagai hamba-Nya, sentiasa terisi dengan lautan iman dan ingat kepada-Nya.


Profesor Emeritus Dr. Muhammad Bukhari Lubis (gh.I)

[Penerima Anugerah Karyawan Sepanjang Hayat (2016) & Anugerah Ilmuwan Negeri Darul Ridzuan (2022)]

Taj Fikriyah, Bandar Baru Bangi
Rabiulawal 1445 H./September 2023 M.

Biodata Pengarang

MUHAMMAD BUKHARI LUBIS



Haji Muhammad Bukhari Lubis dilahirkan di Makkah al-Mukarramah pada 16 Ogos 1953. Dibesarkan di Temoh, Perak. Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Temoh, Perak; Madrasah Tarbiah Islamiah Temoh; Sekolah Menengah Izzuddin Shah (SIS), Ipoh; dan Kolej Islam Klang (KIK, kini KISAS – Kolej Islam Sultan Alam Shah). Menyambung pengajian di peringkat universiti, sehingga berjaya meraih ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Am) (UKM), Diploma Pendidikan (UKM), ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Kep.) (UKM), ijazah B.A (UNAS – Universitas Nasional Jakarta), ijazah M.A (University of Chicago, USA), ijazah

C.Phil dan Ph.D (University of California at Berkeley, USA).

Selain mencipta sajak, beliau juga menulis kritikan sastera, menterjemah karya dan kajian sastera daripada bahasa Inggeris, Arab, Parsi, dan Turki ke bahasa Melayu (juga dari bahasa Melayu ke Arab). Dalam kegiatan kreatif, sering menggunakan nama pena Rizi S.S.; sesekali A.S. Bagindo.

Giat dalam persatuan seperti mantan Presiden dan Timbalan Presiden Persatuan Karyawan Perak; Ahli Jawatankuasa (mantan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha) Persatuan Alumni SISTA (Sekolah Izzuddin – Ta'yah), Ipoh; Presiden Persatuan Bekas Murid Sekolah Kebangsaan Temoh; mantan Ahli Jawatankuasa Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN).

Menganggotai Jawatankuasa Sastera (di bawah Lembaga Pengelola) Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dari 2000 hingga 2014. Mantan Timbalan Presiden Persatuan Seni Khat Kebangsaan (PSKK) (1996-2013) ini turut berperanan sebagai peminat, pengkaji dan kolektor. Banyak contoh karya khat oleh para khatat terkenal dari pelbagai negara terdapat dalam koleksinya. Begitu juga perpustakaan peribadinya, antara yang lain, memuatkan bahan bacaan (tentang seni khat) dalam bahasa-bahasa Arab, Parsi, Turki, Dari, Melayu, Inggeris, Perancis, dan Jerman. T turut mengadakan banyak kali pameran bahan seni khat (karya khat dan bahan rujukan) di UKM, UPM, UiTM, UIAM, IPSI, UPSI, Muzium Darul Ridzuan – Ipoh, dan Muzium Tamadun Islam Sabah – Kota Kinabalu.

Setakat ini beliau menerbitkan dua kumpulan puisi: *Sering Kali*; dan berbentuk pamflet (dwibahasa: Melayu-Inggeris), berjudul *Namamu Ternama*. Sementara

sumbangannya untuk antologi sajak (bersama) termuat dalam 28 buah antologi sajak, antaranya yang terpenting ialah *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (Jabatan Penerangan Malaysia); *Biografi Terpilih Sasterawan Islam Abad 20* (DBP) & *Tarājum Mukhtārah lil-Udabā' al-Islāmiyyīn fī al-Qarn al-'Ishrīn* (DBP); *Voices of Malaysian Poets* (DBP); *Istana Cinta: Renungan Puitis tentang Cinta dan Perkahwinan* (Persatuan Karyawan Perak); *Suarasa* [dengan album kasetnya sekali] (UKM); *The Poet's Chants* (Jakarta) & *Takbir Para Penyair* (Jakarta); *Melintasi Benua: Tulisan Pena di Tiga Kota Raya* (PENA); *Puisi-puisi Kunjungan* (DBP); *Manifestasi: Suarabatin Penyair Melayu Terhadap Kekejaman Zionisme di Lubnan* (DBP) & *Tanfīs: al-Aṣwāt al-Bāṭiniyah lil-Shu'arā' al-Mālīziyyīn ḥawla Zulum al-Ṣahyūniyah fī Lubnān* (DBP).

Bagi karya terjemahan sastera (perseorangan), dihasilkannya *Cerpen Kritikan Puisi Arab Parsi Turki: Segugus Pilihan dan Terjemahan* [dwibahasa]; dan *Pancasuara: Himpunan Sajak Arab Klasik dan Moden* [dwibahasa].

Demikian pula, kegiatannya dalam bersajak (penyunting perseorangan) adalah seperti *Oh Penuntut: Antologi Sajak oleh Bekas Pelajar Tiga Kolej Islam* (Darulfikir).

Sebagai penyunting bersama antologi sajak, terhasil dalam tujuh buah antologi seperti *Timoh Tasik Kenangan; Khazanah Karyawan Perak: Antologi Karya Persatuan Karyawan Perak*; dan *Rasulullah dalam Puisi*.

Dalam kelompok karya suntingan sastera (perseorangan), beliau menghasilkan *Dari Sejadah ke Kalam: Kesusasteraan Islam dalam Bahasan*

Lepasan Tiga Kolej Islam, Jilid I & II; Kesusasteraan Islam: Sehimpunan Bahan Rujukan; Tasawwuf and Literature in Bosnia: Three Studies by Prof. Hamid Algar; Persuratan Islam; Beberapa Aspek Sastera Islam; dan Studies in Persian Language and Literature, Vol I, Parts A & B.

Banyak menulis esei, artikel, sorotan buku, yang tersiar dalam akhbar, majalah, jurnal, dan ensiklopedia (dalam dan luar negara). Antara buku yang dihasilkannya ialah *Qaṣīdahs in Honor of the Prophet; Bungai Rampai Sastera Parsi; The Ocean of Unity: Waḥdat al-Wujūd in Persian, Turkish, and Malay Poetry; Katalog Pameran Bahan Seni Khat Koleksi Bukhari Lubis; Transliterasi Kata Arab Parsi Turki; Tulisan Jawi: Sehimpunan Kajian; dan Frasa Idiomatik Arab dan Ertinya.*

Pelbagai anugerah diterimanya, misalnya Anugerah Khidmat Cemerlang (UKM) [1992], Pingat Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) [1996], Hadiah Sastera Perdana Malaysia (Esei / Kritikan Sastera) [1998/1999], Anugerah Khidmat Masyarakat (UKM) [1999], Anugerah Khidmat Masyarakat (UPSI) [2006], Anugerah Guru Contoh Fakulti Bahasa, UPSI [2008], Anugerah Karyawan Sepanjang Hayat (*Hadiah Karya Darul Ridzuan V* [2016]), Anugerah Gelaran Profesor Emeritus di Fakulti Bahasa dan Komunikasi (UPSI) [2017], dan Anugerah Ilmuwan Negeri Darul Ridzuan (*Hadiah Sastera Darul Ridzuan VII* [2022]).

Berpeluang berkhidmat di UKM (1977 – 2001) dan UPSI (2002 – 2016). Di UPSI memberikan khidmat baktinya sebagai Profesor Kesusasteraan Islami Bandingan di Fakulti Bahasa dan

Komunikasi, pernah menjadi Pengasas – Penyelaras Unit Kajian Jawi dan Khat UPSI, serta Pengarah Penerbit UPSI. Seterusnya bertugas di Akademi Kebijaksanaan Sejagat (Academy of Global Wisdom), Universiti Islam Malaysia (UIM), Cyberjaya (2017–2019).

Kemuncak kerjaya akademiknya terbukti apabila beliau berjaya menghasilkan sebuah karya yang sungguh sejarawi, berjudul *Adab dalam Kegiatan Kesusasteraan Islami Bandingan*, dan terdiri daripada satu himpunan yang luar biasa: pidato penghargaan gelaran Profesor Emeritus + pidato penerimaan

gelaran Profesor Emeritus + profil pameran sumbangan ilmiah, terbitan Penerbit UPSI (2019).

Bidang utamanya ialah Kesusasteraan Islami Bandingan (Arab – Parsi – Turki – Melayu). Bidang sampingan atau bidang pengajaran dan penyelidikannya pula ialah Kajian Manuskrip Melayu/Arab, Terjemahan Arab – Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Parsi, Sistem Tulisan Jawi (ejaan dan khat), Seni Islami, Tasawuf, dan Sejarah/Tamadun Islam.

FIRUZ AKHTAR LUBIS



Firuz Akhtar Lubis atau nama sebenarnya Firuz Akhtar binti Mohamad Bohari dilahirkan pada 29 Ogos 1984 di Kuala Lumpur. Dibesarkan di Bandar Baru Bangi, Selangor. Memulakan pengajian rendah di Sekolah Kebangsaan Jalan 2, Bandar Baru Bangi dan Sekolah Rendah Agama Bandar Baru Bangi. Kemudian menjalani kehidupan berasrama di Sekolah Agama Menengah Hulu Langat, Batu 10, Cheras. Menamatkan pengajian menengah pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang.

Bagi pengajian tinggi, beliau mendapat biasiswa daripada kerajaan Iran untuk mendapatkan Sarjana Muda dalam Bahasa dan Kesusasteraan Parsi di Universiti Al-Zahra, Tehran, Iran. Kemudian dengan biasiswa Fulbright, beliau menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Sastera Bandingan Arab – Parsi di Washington University in Saint Louis (lebih dikenali sebagai WASH U), Missouri, Amerika Syarikat. Dengan biasiswa daripada kerajaan Malaysia pula, beliau berjaya meraih ijazah kedoktoran Ph.D dalam bidang Sastera Bandingan Arab – Parsi – Melayu di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London.

Semenjak zaman belajar lagi, beliau terlibat dengan aktiviti penterjemahan selari dan pemandu pelancong. Pernah juga menjadi guru sambilan di sekolah rendah agama sebelum berkecimpung dalam dunia korporat sebagai eksekutif pentadbiran dan eksekutif projek untuk projek antarabangsa kerana kemahiran berbahasanya. Beliau juga

pernah menyertai pertandingan realiti televisyen Astro Oasis, iaitu Ustazah Pilihan, pada tahun 2011 dan akhirnya dinobatkan sebagai JUARA USTAZAH PILIHAN. Berpengalaman menjadi pendakwah selebriti di bawah Astro Productions sebelum memasuki dunia akademik secara serius di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Di universiti, beliau berpengalaman mengajar pelbagai kursus antaranya Kesusasteraan Bandingan, Mukhyyam Arabi Silang Budaya, Kritikan Sastera Arab, Mukhyyam Arabi Komunikasi, Kaedah Penyelidikan Prasiswazah dan Siswazah, Pengurusan dan Analitik Data, Interaksi Sastera Arab dengan Sastera Barat, Asas Keusahawanan dan Inovasi, serta Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab. Beliau juga telah membentangkan kertas kerja di seminar dalam dan luar negara seperti di London dan Istanbul.

Dalam dunia penyelidikan, beliau menjadi penyelidik bersama dalam penyelidikan *Pemantapan Bahasa Arab Pelajar Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam Melalui Medium Muaskar Lughawi* (Dana Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) PP-2018-010 pada tahun 2018. Kemudian beliau memperoleh Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2019-016) dari tahun 2019-2022 untuk penyelidikan berjudul *Notions of Captivity in Arab, Malay and Persian Travel Narratives*. Terkini, beliau berjaya menjadi ketua penyelidik

bagi geran kebangsaan, iaitu Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS). Tajuk penyelidikan FRGS ini ialah *Model Psikospiritual Pengurusan Emosi Era Pandemik dalam Sastera Kembara Islami*, bermula dari tahun 2022 dan bakal berakhir pada tahun 2024. Beliau juga memenangi anugerah emas dalam pertandingan inovasi di Kongres dan Pertandingan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran 2022 (KNOVASI). Inovasi yang dipertandingkan berjudul *E-Pembelajaran Berasaskan Bakat (e-PBB) sebagai Penilaian dalam Kursus Kesusasteraan Bandingan*.

Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Lembaga Penasihat Antarabangsa *The Journal of Iranian Studies*. Selain itu, beliau juga merupakan salah seorang editor *Islamiyyat: The International of Islamic Studies dan International Journal of West Asian Studies*. Turut menjadi pewasit untuk artikel bagi *Jurnal 3L: Language, Linguistics, Literature*. Dalam dunia penulisan, beliau menghasilkan artikel untuk jurnal-jurnal berindeks MyCite, ERA, SCOPUS dan WOS-Esci. Karya aslinya yang terkini berjudul *Muhammad Asad: Pengembaraan Kerohanian Si Orientalis Yahudi*, diterbitkan oleh Penerbit UKM.

Bidang kepakaran beliau ialah Sastera Bandingan Arab–Parsi–Melayu, Sastera Kembara dan Sastera Islami. Bahasa yang dikuasainya ialah bahasa-bahasa Melayu, Inggeris, Parsi dan Arab. Beliau amat berminat menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan bidang yang diprihatinkannya selama ini.

NURSAFIRA LUBIS SAFIAN



Nursafira binti Ahmad Safian atau nama yang sering digunakan dalam penulisan ilmiah dan separa ilmiah ialah Nursafira Lubis Safian. Merupakan anak kelahiran Ipoh, Perak dan bertugas sebagai pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sejak Februari 2018. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Rapat, Ipoh, kemudian di Sekolah Kebangsaan Sinaran Budi, Rawang dan Sekolah Agama Ibnu Khaldun, Rawang. Selanjutnya, beliau meneruskan pendidikan di peringkat menengah di Sekolah Agama Menengah Rawang (SAMER) sebelum berpindah

ke Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Rahimah (SAMTTAR), Sungai Manggis, Banting, Selangor. Beliau merupakan penerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Tengku Idris Shah, Sekolah-sekolah Agama Jabatan Agama Islam Selangor; dan Anugerah Pelajar Terbaik Kokurikulum pada tahun 2002 dan 2003.

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Kesusasteraan Arab daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2010 dan kemudian menyambung pengajian di universiti yang sama sehingga meraih Ijazah Sarjana Kesusasteraan Arab pada tahun 2013, sebelum dikurniai Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dengan pangkat *Mumtaz* daripada University of Jordan, Amman, Jordan (Januari 2015 – Januari 2018). Sewaktu prasiswazah, beliau menerima Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan dan Anugerah Pelajar Terbaik (Kategori Akademik) bagi peringkat fakulti, selain Anugerah *Sibawayh* bagi peringkat jabatan pada tahun 2010 sehingga melayakkan beliau untuk memperoleh “tempat pertama” dalam kohort 2009/2010. Kejayaan diteruskan apabila beliau terpilih sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Pelajar Mumtaz Se-Jordan, anjuran *Education Malaysia Jordan* (EMJ) pada 2 Disember 2016.

Kecemerlangan beliau tidak hanya terhad dalam dunia akademik semata-mata, bahkan dalam arena kesukanan juga sehingga beliau tersenarai sebagai salah seorang penerima Anugerah Kecemerlangan Sukan UIAM (*IIUM Sports Award – Half-Colour Award*) bagi kategori sukan pingpong pada tahun 2009 dan Anugerah Pasukan Terbaik (pingpong) pada tahun 2019 kerana memenangi “tempat pertama” dalam *IIUM Staff Games* dan tempat kedua dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) pada tahun 2018. Selain sukan, beliau turut menceburi dunia perdebatan (kategori Bahasa Arab) sehingga berjaya menjadi salah seorang pendebat universiti yang sering memenangi pertandingan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antaranya Kejohanan Debat Piala Diraja pada tahun 2007 dan Kejohanan Debat Inter-Varsity Peringkat ASEAN pada tahun 2008.

Beliau juga sering diundang sebagai juri pertandingan debat Bahasa Arab antara sekolah dan universiti sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa, antaranya pertandingan yang dianjurkan oleh *Qatar Foundation for Education, Science and Community Development* pada 20 hingga 29 April 2010 di Qatar dan pertandingan yang dianjurkan oleh *Nadiy al-Lughah al-Arabiyyah wa al-Munazarah (Singapore Students' Association in Jordan [SIRAJ])* di Universiti Yarmouk, Jordan pada 9 Ogos 2017.

Selain itu, kepakaran beliau dalam menilai buku teks berbahasa Arab dimanfaatkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) apabila beliau sering dijemput untuk berkongsi idea dan pendapat, malah beliau selalu menerima undangan daripada pihak Lembaga Peperiksaan (LP) sebagai panel penilai soalan peperiksaan.

Bidang kajiannya ialah kritikan sastera Arab dan Melayu moden, sastera bandingan (Arab – Melayu), sastera Islami, kajian pola dan rima Arab (*‘Ilm al-‘Arūd wa al-Qāfiyah*) dan pendidikan sastera Arab. Merupakan *Associate Editor* bagi *al-Tajdid Arabic Journal-KIRKHS* (UIAM), salah seorang penyunting *Journal of Linguistic and Literary Studies* (JLLS)-(UIAM) dan *Jurnal Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (Jurnal al-Anwar)*. Selain itu, beliau turut menjadi pewasit artikel bagi *Al-Dad Journal* (UM), *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* (e-JPI) – (KUIS), *e-Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (JSASS) – (KUIS), *Jurnal Pendidikan Bitara* (UPSI), *International Journal*

of Language Education and Applied Linguistics (UMP) dan *International Journal of West Asian Studies* (IJWAS) – (UKM).

Beliau aktif membentangkan kertas kerja dalam seminar baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Juga menerbitkan artikel dalam jurnal (dalam dan luar negara), malah pernah menerima Anugerah Penulisan dan Pembentangan Terbaik pada tahun 2021 dan 2022. Turut mencipta sajak dengan menggunakan nama pena S.S. Lubis sebagaimana yang telah termuat dalam majalah *Tunas Cipta*, berjudul “Sekeping Hati”.

Beliau juga mengetuai beberapa geran penyelidikan yang dibiayai oleh UIAM, antaranya geran penyelidikan yang bertajuk “*The Usage of Malay Melodies in Science of Prosody (‘ilm al-‘Arudh): An Exploration Study* (IRAGS18-031-0032)” dan “*The Usage of Arabic Novel in Empowering Writing Skill among BARB (Bachelor of Arabic Language and Literature) Students of IIUM* (IRF19-025-0025)”. Sementara itu, beliau turut memperoleh geran penyelidikan dari agensi luar, misalnya geran yang berjudul “*Arabic Prosody and Rhyme in Developing Cultural Integration* (SPI21-096-0096)” yang dibiayai oleh *International Institute of Islamic Thought (IIIT)*, dan berpangkalan di Amerika Syarikat; serta geran penyelidikan Jamalullail tajaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) yang berjudul “*Developing an Arabic Syntax Learning Module Using Literary Texts (ASLIT): A Study in Perlis* (JRGS21-013-0013)”.

Indeks

